

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA
TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF
PENGERUSI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN**

SEMPENA

**'MAJLIS PERJUMPAAN YANG BERBAHAGIA TAN SRI PENGERUSI
DAN AHLI SURUHANJAYA BERSAMA WARGA SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN PELAJARAN (SPP)'
(MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG)**

**PADA
11 APRIL 2019 (KHAMIS)**

**BERTEMPAT DI
AUDITORIUM
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Phesal bin Talib

Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berbahagia Datuk Abu Bakar bin Idris

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Dihormati

Barisan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Tuan-tuan dan puan-puan, warga Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
sekalian.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala (SWT), kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka dapat kita berkumpul di sini pada pagi yang berbahagia ini bersama-sama dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018 Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Saya begitu teruja dijemput sebagai Tetamu Utama bersama-sama Ahli Suruhanjaya dalam Majlis ini kerana julung-julung kali saya berhadapan dengan semua pegawai SPP bagi meraikan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang SPP bagi Tahun 2018. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) selaku urus setia atas penganjuran majlis pada pagi ini. Saya dimaklumkan juga selain daripada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, satu siri ceramah Pengukuhan Integriti dengan tajuk "Tumbuk Rusuk Duit Panadol Pengisahan Dari Tirai Besi" akan diadakan selepas selesai Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang atas usaha Unit Integriti SPP.

2. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang SPP Tahun 2018 ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada warga SPP atas sumbangan dan pencapaian cemerlang mereka dalam melaksanakan tugas-tugas rasmi selain penglibatan secara aktif dalam kegiatan sukan, kemasyarakatan, persatuan dan lain-lain sumbang bakti yang bermanfaat kepada organisasi dan negara secara umumnya. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini merupakan satu manifestasi keprihatinan Kerajaan terhadap modal insan berkualiti, dinamik dan berprestasi tinggi serta mencapai ekspektasi melebihi sasaran. Di samping meraikan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, saya mengharapkan Ahli-Ahli Suruhanjaya dan Warga SPP dapat berkumpul dan beramah mesra bagi memperkukuhkan ukhwah sesama kita kerana melalui ikatan ini akan memudahkan pelaksanaan tugas yang melibatkan ASJ dan Urus Setia pada masa akan datang.

TAHNIAH KEPADA PENERIMA APC

Tan Sri, Dato, Dr, Tuan-tuan dan Puan-puan

3. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada 20 orang warga SPP yang bakal menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) atas prestasi mereka yang cemerlang sepanjang tahun 2018. Mereka yang terpilih sebagai penerima APC kali ini merupakan pegawai terbaik antara yang terbaik (*cream of the cream*). Saya dimaklumkan bahawa Panel Pembangunan Sumber Manusia SPP sukar memilih 20 orang pegawai (8%) daripada bilangan keseluruhan pegawai SPP sebanyak 237 orang pegawai di mana seramai 215 orang pegawai atau 90.72% memperoleh markah prestasi melebihi 90%. Beberapa kriteria pemilihan telah ditetapkan oleh PPSM bagi memilih mereka yang benar-benar layak dan boleh dijadikan model kepada pegawai lain. Antara kriteria tersebut adalah rekod kehadiran pegawai ke pejabat, kekerapan Cuti Sakit Kerajaan/ Swasta dan penglibatan pegawai dengan kegiatan luar dari tugas rasmi. Situasi seperti ini pernah saya alami semasa berkhidmat di Kementerian Pendidikan Malaysia suatu masa dahulu, di mana pegawai KPM yang layak begitu ramai sedangkan

Kerajaan hanya membenarkan hanya 8% sahaja boleh dipilih sebagai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

4. Sebagai pesanan kepada Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang SPP Tahun 2018, saya mengharapkan penganugerahan dan pengiktirafan yang diterima pagi ini dapat menyuntik semangat kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk terus berkhidmat dengan lebih dedikasi dan penuh iltizam bagi membawa SPP ke era kecemerlangan. Saya juga mengharapkan anugerah ini akan menjadi pemangkin kecemerlangan dan menjadi motivasi kepada rakan-rakan lain supaya mereka terus berusaha memberi perkhidmatan terbaik dengan harapan suatu masa nanti tuan/puan terpilih sebagai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Persaingan sihat ini amat diperlukan supaya SPP sentiasa ke depan dalam melaksanakan fungsi yang ditetapkan oleh Kerajaan. Saya dimaklumkan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pagi ini akan menerima RM1,000.00 dalam bentuk Sijil Simpanan Premium Bank Simpanan Nasional dan Sijil Penghargaan.

5. Selain daripada meraikan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Majlis pagi ini juga akan meraikan hampir kesemua pegawai SPP yang telah menunjukkan prestasi yang memuaskan dan cemerlang melebihi 80%, namun tidak terpilih sebagai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kerana kuota yang ditetapkan oleh Kerajaan terhadap kepada 8%. Tahniyah juga kepada tuan-tuan dan puan-puan yang memenuhi sebahagian besar Auditorium ini. Dengan prestasi kerja yang telah tuan-tuan dan puan-puan tunjukkan, SPP telah berjaya mencapai sasaran kerja yang telah ditetapkan dan seterusnya memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

SPP KE ARAH MENJADI ORGANISASI MANTAP

Tan Sri, Dato, Dr, Tuan/ Puan hadirin sekian

6. Walaupun tempoh perkhidmatan saya bersama SPP masih baharu iaitu tidak sampai 6 bulan, saya berasa amat gembira bertugas di SPP dan yakin dapat melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan. Melalui kerjasama dengan YBhg. Tan Sri Ahmad Phesal bin Talib,

Timbalan Pengerusi SPP, rakan-rakan Ahli Suruhanjaya yang lain mahupun Urus Setia yang diketuai Datuk Abu Bakar bin Idris, saya akan menentukan SPP akan terus ke depan dalam melaksanakan fungsi utamanya yang boleh saya simpulkan sebagai "*Hire and Fire*". Dengan kuasa dan amanah yang diberikan melalui Perlembagaan Persekutuan, komitmen serta rasa tanggungjawab semua pegawai SPP adalah dituntut supaya *core business* SPP seperti pengambilan, perkhidmatan dan kawalan tatatertib dapat dilaksanakan secara berkesan. Sebagai Peneraju Transformasi Modal Insan Perkhidmatan Pendidikan, SPP dalam melaksanakan urusan pengambilan akan menentukan hanya calon terbaik sahaja dipilih untuk dilantik dan ditempatkan di Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai pelanggan utama kita. Walaupun calon ini telah diserahkan kepada Kementerian, namun tugas SPP tidak selesai sebaliknya urusan perkhidmatan pegawai wajar dipantau dari semasa ke semasa supaya tidak timbul sebarang isu yang melibatkan hal-hal kenaikan pangkat mahupun persaraan. Bagi mencapai matlamat ini proses kerja sedia ada perlu disemak dan dikaji semula supaya penambahbaikan dapat dilaksanakan secara berterusan. Sehubungan itu, saya berpandangan SPP perlu satu pasukan yang mantap dan berwibawa di pelbagai peringkat pegawai supaya usaha penambahbaikan dapat direalisasikan.

URUSAN PENGAMBILAN APP

7. Berdasarkan maklumat kekosongan jawatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP) yang dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, saya menjangkakan tahun ini tahun 2019 akan menjadikan tahun paling sibuk kepada SPP khususnya Ahli Suruhanjaya. Bermula Januari 2019, semua ASJ terlibat dengan urusan temu duga seramai 8867 orang calon bagi pengisian Fasa 1 sebanyak 826 kekosongan jawatan yang melibatkan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi dan Anggota Kumpulan Pelaksana. Urusan temu duga ini masih berterusan dan akan selesai pada minggu pertama bulan Mei 2019 yang kebetulan jatuh pada awal bulan Ramadan di mana ASJ dan pegawai Urus Setia beragama Islam akan mula berpuasa. Saya dimaklumkan bahawa selepas selesai urusan temu duga Fasa 1, SPP akan meneruskan temu duga bagi Fasa 2 yang melibatkan pengisian sebanyak

8473 jawatan. Berdasarkan keperluan Kementerian Pendidikan Malaysia, Fasa 2 ini akan melibatkan 6263 jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, 500 jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi dan 1710 bagi jawatan Anggota Kumpulan Pelaksana.

8. Dengan jumlah keseluruhan fasa 1 dan 2 hampir 10 ribu kekosongan jawatan, saya percaya SPP perlu menjalankan urusan temu duga sepanjang tahun 2019 dengan jumlah calon yang akan ditemu duga melibatkan jumlah yang besar. Bagi Fasa 1, seramai 8867 orang calon telah/ akan dipanggil temu duga bagi pengisian jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi dan Anggota Kumpulan Pelaksana. Bagi Fasa 2 berdasarkan nisbah antara 1:10 hingga maksimum 1:15 dijangka secara purata seramai 80,000 orang calon akan ditemu duga oleh Ahli Suruhanjaya bagi tempoh tidak sampai 6 bulan. Berdasarkan angka ini, sudah pasti perancangan yang jitu perlu dibuat oleh Pihak Pengurusan SPP bagi memastikan urusan ini berjalan lancar dengan mengambil kira faktor halangan seperti had tempoh urusan kewangan di akhir tahun yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan tempoh tamat perkhidmatan sebahagian besar Ahli Suruhanjaya sedia ada. Di samping itu, soal kebajikan dan faktor musim cuti sekolah bagi pegawai yang terlibat sebagai urus setia juga perlu diambil kira.

PROGRAM ANJURAN SPP

Tan Sri, Dato, Dr, Tuan-tuan dan Puan-puan

9. Saya juga mengambil kesempatan ini menyingkap kembali beberapa program-program yang dilaksanakan oleh SPP sebelum ini yang menjadi *punch factor* kepada imej Suruhanjaya. Antaranya Program Bual Bicara Bersama Warga Pendidik, Konsultasi Pengurusan Perkhidmatan dan Tatatertib, Jelajah Jabatan Pendidikan Negeri/ Universiti Awam dan Lawatan *Benchmarking* Ke Luar Negara. Semua program ini merupakan program baharu yang dilaksanakan sejak tahun 2017 atas inisiatif Pihak Pengurusan SPP serta mendapat sokongan Ahli Suruhanjaya. Setelah mengikuti beberapa program tersebut sejak memegang jawatan Pengerusi SPP, saya mendapati program ini sangat baik yang bukan sahaja mendekati warga pendidik tapi pelanggan SPP

yang lain seperti pihak Universiti Awam dan Jabatan Pendidikan Luar Negera seperti Negara Brunei Darussalam dan baharu-baharu ini di Thailand. Bagi menjadikan program ini sebagai *trademark* kepada SPP, saya mencadangkan usaha penambahbaikan perlu dibuat terutama mengambil kira soal selidik yang telah diedarkan kepada peserta yang menghadiri program berkenaan.

10. Saya juga tertarik dengan pelaksanaan Sistem ePROPER yang mula dilaksanakan oleh SPP pada akhir tahun 2016 dan telah dilaksanakan ke seluruh negara mulai 1 Ogos 2018. Memandangkan saya terlibat secara langsung sebagai salah seorang pengguna sistem ini, saya berpandangan sistem ini sangat membantu dalam mempercepatkan urusan perkhidmatan dan juga mengurangkan penggunaan kertas *paperless*. Namun bagi saya yang penting dan merupakan kejayaan kepada SPP apabila kita dapat membudayakan pengemaskinian Buku Rekod Perkhidmatan di sekolah-sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Politeknik, Kolej Komuniti, Jabatan Pendidikan Negeri dan di Kementerian Pendidikan Malaysia sendiri. Tindakan naziran yang sedang dilaksanakan oleh SPP sejak tahun ini merupakan sebahagian usaha kita menjadikan penggunaan sistem ePROPER sebagai tugas Ketua Jabatan di agensi-agensi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Naziran atau auditan ini akan menentukan sama ada sistem ini berjaya mendidik pengguna sama ada penyedia, penyemak dan peraku bertanggungjawab dan amanah semasa melaksanakan urusan perkhidmatan.

11. Berdasarkan program-program yang saya nyatakan sebentar tadi, saya mewakili semua Ahli Suruhanjaya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah atas komitmen serta usaha gigih tuan-tuan dan puan-puan pelbagai peringkat dari Pemandu Kenderaan hingga ke Pihak Pengurusan Tertinggi dalam menjayakan program tersebut.

Tan Sri, Dato, Dr, Tuan-tuan dan Puan-puan

12. Sebagai penutup kejayaan yang dicapai oleh SPP tidak dapat direalisasikan tanpa peranan yang dimainkan oleh semua individu yang

berada di dalam Auditorium ini. Khusus bagi penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kali ini, saya mengucapkan tahniah dan syabas atas usaha gigih yang dipamerkan dan semoga menjadi inspirasi atau *role model* kepada rakan-rakan yang lain. Semoga “sedikit” khidmat bakti kita kepada negara yang tercinta ini dapat memberi manfaat kepada rakyat Malaysia dan diberkati oleh Allah SWT. jua.

13 Akhir kata, terima kasih atas kesudian menjemput saya serta Ahli Suruhanjaya yang lain untuk meraikan Majlis ini.

Tenang-tenang air di laut

Sampan kolek mudik di tanjung

Hati terkenang mulut tersebut

Budi yang baik rasa nak junjung.

Assalamualaikum WBT.